

SIRI TANAH AIRKU

**WILAYAH  
PERSEKUTUAN**

oleh Suraya

**P****H**—

---

PENERBITAN HARTAMAS

PENERBITAN HARTAMAS  
23, Jalan 3/57B, Off Jalan Segambut Bawah,  
Segambut,  
52100 Kuala Lumpur.

© PENERBITAN HARTAMAS  
Cetakan pertama 1995.

Perpustakaan Negara Malaysia      Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Suraya

Wilayah Persekutuan / Suraya.

(Siri tanah air ku)

ISBN 983-034-063-5 (set).

ISBN 983-034-065-1

1. Wilayah Persekutuan - - History. 2. Wilayah Persekutuan - - Economic conditions. 3. Wilayah Persekutuan - - Social conditions. 4. Wilayah Persekutuan - - Social life and customs.  
5. Wilayah Persekutuan - - Description and travel.

I. Judul. II Siri.

959.5116

**HAKCIPTA TERPELIHARA.** Tiada bahagian buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran, ditukarkan ke dalam apa bentuk sekalipun, samada secara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu dari PENERBITAN HARTAMAS.

Dicetak di Malaysia oleh: Cetaktama Sdn. Bhd.  
B4-09 K. L. Industrial Park, # 653, 5th. Mile Klang Road,  
58200 Kuala Lumpur.

M 871453

27 OCT 1997  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

## PRAKATA

‘Siri Tanah Airku’ memberi maklumat terperinci tentang setiap buah negeri di Malaysia. Siri ini sesuai sebagai sumber rujukan tambahan para pelajar Tahap Dua sekolah rendah dan sekolah menengah rendah untuk mata pelajaran Kajian Tempatan.

*Maklumat-maklumat disusun bermula daripada:*

- Profil Umum dan Kedudukan Fizikal
- Lintasan Sejarah
- Kegiatan Ekonomi dan Pentadbiran
- Keindahan Negeri
- Ciri-ciri Seni Budaya

Setiap negeri disertakan dengan gelaran masing-masing, manakala tajuk Malaysia menyimpulkan maklumat bagi semua negeri secara menyeluruh.


Kami berkeyakinan buku ini dapat memberi manfaat dan pengetahuan tambahan kepada generasi muda untuk mengenali negeri-negeri dan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum secara lebih dekat.

Selamat membaca!

## PENERBIT



## Bendera Wilayah Persekutuan



**B**endera ini berteraskan bendera kebangsaan yang berjulur putih dan merah, warna biru tua bersama bintang serta bulan sabit berwarna kuning. Unsur-unsur ini tidak dapat dipisahkan memandangkan Kuala Lumpur adalah Ibu Negara Malaysia dan juga Wilayah Persekutuan.

14 jalur merah dan putih (melintang) menandakan keanggotaan 13 buah negeri di Malaysia dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terletak di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Bulan sabit dan bintang melambangkan Agama Islam sebagai agama rasmi. Bintang berbucu 14 melambangkan 13 buah negeri di Malaysia dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang bertindak sebagai Pusat Kerajaan dan pentadbiran.

- Warna biru tua di bahagian tengah melambangkan perpaduan wargakota Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang berbilang kaum.
- Warna merah melambangkan keberanian, kegagahan sebuah bandaraya dalam menghadapi cabaran ke arah pembangunan bandaraya kosmopolitan yang dinamik dan berprogresif.
- Warna kuning melambangkan kedaulatan dan kemakmuran Kuala Lumpur.
- Warna putih melambangkan keluhuran, kebersihan dan keindahan bandaraya dalam taman bercahaya.

## Profil Umum dan Kedudukan Fizikal

Wilayah Persekutuan Malaysia merangkumi dua buah kawasan iaitu Bandaraya Kuala Lumpur dan Pulau Labuan di Sabah. Kuala Lumpur adalah Wilayah Persekutuan yang

pertama, diserahkan oleh negeri Selangor kepada Kerajaan Persekutuan pada 1 Februari 1974. Pulau Labuan pula merupakan Wilayah Persekutuan yang kedua, diserahkan oleh negeri Sabah pada 16 April 1984.

Bandaraya Kuala Lumpur merupakan ibu negara Malaysia yang begitu pesat membangun. Kuala Lumpur menjadi pusat pentadbiran negara dengan menempatkan semua jentera pentadbiran seperti kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan dan institusi-institusi yang penting. Kuala Lumpur juga menjadi pusat perkembangan ilmu, kebudayaan, ekonomi dan lain-lain lagi.

Bangunan-bangunan pencakar langit

berdiri di tengah-tengah Bandaraya Kuala Lumpur sebagai lambang kemerdekaan negara Malaysia yang sedang pesat membangun. Jalan raya dan lebuh raya yang menghubungkan Kuala Lumpur dengan kawasan-kawasan lain, bersimpang-siur dengan kenderaan yang tidak putus-putus. Kesesakan lalu-lintas adalah menjadi perkara biasa kepada penduduk Kuala Lumpur yang bilangannya melebihi sejuta orang. Jalan raya sentiasa dilebarkan dan diperbaiki untuk menampung kesesakan ini.

Semua kedutaan negara-negara yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Malaysia juga terletak di Kuala Lumpur. Masyarakat antarabangsa lebih mengetahui Kuala Lumpur daripada negeri-negeri



Jalan raya di  
Malaysia



lain di Malaysia kerana Kuala Lumpur sering menjadi tuan rumah bagi persidangan-persidangan antarabangsa, seminar, pertandingan sukan, tilawah Al-Quran dan lain-lain lagi.

Kegiatan ekonomi Kuala Lumpur yang paling utama adalah perdagangan. Hampir kesemua pusat pentadbiran syarikat besar negara ini dan juga negara asing terletak di Kuala Lumpur. Gedung-gedung perniagaan yang besar dan kecil bertaburan di sekitar Kuala Lumpur. Gedung-gedung ini saling berlumba-lumba untuk mendapatkan keuntungan yang besar di negara Malaysia yang tercinta ini.

Pemandangan di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur sungguh menarik. Bangunan-bangunan moden tegak berdiri di tengah-tengah bandaraya ini. Kawasan-kawasan taman rekreasi pula diwujudkan untuk mengimbangkan kesibukan dengan suasana yang lebih

damai. Terdapat banyak tempat menarik yang boleh dikunjungi. Jika hendak dibandingkan dengan keluasannya yang hanya 243.65 kilometer persegi, ternyata kawasan sekecil ini mempunyai bilangan tempat-tempat menarik yang paling banyak dan merata.



Bangunan  
berguna  
sejeni di Kuala  
Lumpur

Penduduk Kuala Lumpur terdiri daripada berbilang kaum dan agama. Kebanyakan mereka berhijrah dari negeri-negeri lain di Malaysia kerana merebut peluang pekerjaan atau perniagaan. Berbagai-bagai lapisan masyarakat menghuni Kuala Lumpur daripada golongan buruh hingga kepada golongan korporat. Akan tetapi matlamat mereka adalah sama iaitu mencari masa depan yang gemilang di kota raya ini.

Berbeza daripada Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan tidaklah





begitu sibuk. Kesibukan Labuan hanya sebagai sebuah bandar pelabuhan. Labuan adalah pelabuhan bebas cukai dan ini menjadi satu daya tarikan yang tersendiri kepada pulau ini. Banyak barang yang boleh dibeli dengan harga yang murah di Labuan seperti barang-barang elektrik, pakaian dan lain-lain lagi.

Pelabuhan Labuan mempunyai limbungan kapal yang dikatakan terbaik di rantau Asia. Antara kemudahan yang disediakan di pelabuhan ini adalah sebuah jeti utama sepanjang 244 meter, jeti perniagaan , jeti tentera dan jeti kerajaan. Selain itu, terdapat juga jeti-jeti yang dibina khas untuk kegunaan persendirian misalnya *jeti Sabah Gas Industry* dan *Asian Supply Base*.

Sejak menjadi Wilayah Persekutuan yang kedua pada 16 April 1984, Labuan telah mencapai banyak kemajuan. Pelbagai kegiatan perdagangan, pelancongan dan perindustrian telah dijalankan

untuk terus memajukan Labuan.

Alam persekitaran Labuan jauh lebih damai daripada Kuala Lumpur. Beberapa buah pulau yang menarik bertaburan di kawasan perairannya. Antaranya adalah Pulau Burung, Keraman, Papar, Daat, Rusukan Kecil dan Rusukan Besar. Pulau Keraman dikatakan pulau yang paling menarik di kawasan perairan Sabah. Pulau ini menjadi persinggahan para nelayan yang melepaskan lelah ketika bekerja di tengah laut.

Penduduk peribumi Labuan terdiri daripada keturunan Kadazan, Kedayan, Brunei dan lain-lain. Terdapat juga orang Cina dan India yang telah lama menetap di sini. Kebanyakan daripada penduduk Labuan bekerja sebagai nelayan dan petani. Bagaimanapun ada juga yang bekerja dengan kerajaan atau



*Penduduk Peribumi  
Wajah  
Pergerakan Laut*



## Lintasan Sejarah

sektor-sektor swasta yang semakin banyak muncul sejak Labuan mencapai kemajuan pesat akhir-akhir ini.

### •SEJARAH KUALA LUMPUR

Mengimbau sejarah Kuala Lumpur, pada hakikatnya sejarah Kuala Lumpur termasuk dalam sejarah

Negeri Selangor. Kuala Lumpur telah diduduki orang pada awal abad kesembilan belas. Ketika itu kawasan persekitaran Kuala Lumpur merupakan kawasan perlombongan bijih timah.

Mengikut kajian sejarah, orang yang mula-mula membuka Kuala Lumpur ialah Raja Abdullah bin Raja Jaafar. Selain dari pada Raja Abdullah, tokoh-tokoh pelombongan bijih timah ketika itu adalah Sutan Puasa dan Raja Jumaat, iaitu abang kepada Raja Abdullah .

Raja Abdullah dikatakan membawa rombongan seramai 87 orang Cina dari

Lukut lalu mendarat di sebuah kawasan pertemuan di antara Sungai Klang dan Sungai Gombak. Tempat tersebut dinamakan Kuala Lumpur. Rombongan itu adalah rombongan yang pertama datang ke Kuala Lumpur dan membuka perusahaan melombong bijih di Ampang. Akan tetapi seramai 70 orang pelombong bijih tersebut telah mati akibat diserang penyakit.

Untuk meneruskan perusahaan melombong di Kuala Lumpur, abang Raja Abdullah iaitu Raja Jumaat menghantar 150 orang Cina. Setelah menghadapi berbagai-bagai kesulitan, akhirnya dapat juga mereka mengeksport hasil bijih timah dari Ampang. Semakin lama semakin ramailah pelombong Cina yang datang ke Kuala Lumpur dan kemudian membuka beberapa penempatan.

Sutan Puasa adalah salah seorang ahli perniagaan yang bersahabat karib dengan dua orang Cina bernama Hiu Siew





dan Ah Sze. Hiu Siew telah dilantik menjadi Kapitan Cina yang pertama dengan sokongan orang Melayu dan pelombong-pelombong Cina. Apabila beliau meninggal dunia pada tahun 1861, orang ramai mencalonkan Ah Sze menjadi kapitan. Akan tetapi beliau telah menolak pencairan itu kerana hendak menumpukan sepenuh perhatian kepada perniagaannya. Dengan itu orang ramai telah melantik Liu Ngim Kong menjadi Kapitan Cina yang kedua.

Kapitan Liu Ngim Kong adalah sahabat karib kepada Yap Ah Loy. Kapitan Liu mengajak Yap Ah Loy tinggal di Kuala Lumpur. Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa kenyataan yang mengatakan bahawa Yap Ah Loy adalah tokoh yang mula-mula membuka Kuala Lumpur adalah kurang tepat.

Oleh kerana Kapitan Liu selalu sakit, Ah Sze mencadangkan supaya Yap Ah Loy dilantik menggantikan Kapitan Liu apabila

beliau meninggal dunia. Pendapatnya disokong oleh Sultan Puasa lalu mereka pun menghadap Sultan Abdul Samad untuk mempertimbangkan cadangan tersebut. Ah Sze menyebut bahawa orang Cina di Kuala Lumpur akan menyebelahi Sultan dan Raja Abdullah yang ketika itu berselisih dengan Raja Mahadi. Sultan Abdul Samad pun ber-setuju dengan cadangan itu.



Yap Ah Loy

Apabila Kapitan Liu meninggal dunia pada bulan September 1868, Yap Ah Loy pun dilantik menjadi Kapitan Cina yang ketiga.

Dalam sejarah pergolakan pemerintahan negeri Selangor, Yap Ah Loy menyebelahi Tengku Kudin dan Tengku Kudin pula mendapat pertolongan daripada pihak Inggeris. Perang saudara yang berlarutan di Selangor telah menyebabkan campur tangan Inggeris. Selain itu Kuala Lumpur





juga telah banyak binasa kerana perang saudara tersebut. Yap Ah Loy orang yang bertanggungjawab membangunkan semula Kuala Lumpur selepas perang saudara tersebut berakhir. Inggeris juga telah mengukuhkan kuasanya di Selangor selepas peperangan itu.

Kemudian Yap Ah Loy telah mendapat kuasa penuh memerintah Kuala Lumpur. Beliau merupakan seorang yang sangat kaya sehingga dapat mengekalkan keamanan Kuala Lumpur. Dengan kekayaannya Yap Ah Loy telah mendirikan sebuah rumah sakit untuk pekerja-pekerja lombong dan berusaha membuka sebuah sekolah. Kekayaan Yap Ah Loy ketika itu amat luar biasa. Dua pertiga tanah di Kuala Lumpur dimiliki olehnya. Beliau mempunyai ladang ubi seluas 4,860 hektar di Kuala Lumpur. Ketika menyambut lawatan Frederik Weld iaitu Gabenor Negeri Selat pada tahun 1879, Yap Ah Loy telah mendirikan sebuah dewan khas dan mempersesembahkan wayang khas dari

China sebagai memeriahkan sambutan lawatan itu.

Sebelum Kuala Lumpur dijadikan ibu negeri Selangor, pada tahun 1878, lima orang polis berpangkat koperal ditempatkan di rumah Kapitan Cina. Kedatangan British untuk mentadbir Kuala Lumpur sebagai ibu negeri Selangor, merupakan titik permulaan pemerintahan moden bagi Kuala Lumpur. Mulai saat itu Yap Ah Loy tidak lagi memegang kuasa keamanan di Kuala Lumpur. Kuasa ini diambil alih oleh Jabatan Polis Selangor. Pentadbir Kuala Lumpur telah mengatur semua rancangan pembinaan dan pentadbiran yang lebih teratur di Kuala Lumpur. Rumah sakit yang lebih sempurna telah didirikan serta perkhidmatan-perkhidmatan awam diwujudkan bagi kemudahan orang ramai. Kuala Lumpur telah berwajah baru apabila kemudahan-kemudahan asas seperti jalan raya, jalan kereta api, bekalan air paip, tenaga elektrik dan lain-lain disediakan.





Frank Swettenham



Sesuai dengan kedudukan di tengah-tengah empat buah negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Pahang dan Perak pada tahun 1896 Kuala Lumpur telah dijadikan ibu pejabat Ketua Residen Inggeris bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Ketika itu Frank Swettenham adalah ketua Residen Inggeris dan beliau telah meletakkan batu asas pusat pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu di Kuala Lumpur.

Perang Dunia Kedua meletus pada tahun 1941 dan kemudiannya Kuala Lumpur terletak di bawah pentadbiran Jepun. Hanya selepas perang tersebut barulah Kuala Lumpur diserahkan semula kepada Inggeris. Lembaga Bandaran Kuala Lumpur telah ditubuhkan dan ketua-ketua pentadbiran dipegang oleh orang kenamaan negeri ini. Lembaga ini mempunyai tugas untuk membuktikan semua pentadbiran bandar berjalan de-

ngan teratur. Bagaimanapun penyusunan dan pentadbiran Kuala Lumpur ketika itu adalah mengikut corak dan arah politik Inggeris. Pihak penjajah Inggeris mahu menjadikan Tanah Melayu sebagai sebuah negeri yang dinamakan Kesatuan Melayu atau lebih dikenali sebagai Malayan Union.

Sebagai ibu negeri dan pusat pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Kuala Lumpur berkembang di dalam semua bidang terutamanya bidang pendidikan, kesihatan, kebajikan dan kehidupan sosial. Apabila negara kita mencapai kemerdekaan dan seterusnya Malaysia ditubuhkan, kemajuan yang dicapai oleh Kuala Lumpur adalah amat menakjubkan. Pada 1 Februari 1972, Kuala Lumpur telah diiktiraf sebagai Bandaraya. 1 Februari 1974, Wilayah Persekutuan ditubuhkan di bawah Akta Perlembagaan (Pindaan 2). Melalui Akta ini kawasan Bandaraya Kuala Lumpur diperluaskan daripada 93.4 kilometer persegi kepada 243.65 kilometer persegi.





## • SEJARAH PULAU LABUAN

Pulau Labuan yang terletak di perairan Sabah pada suatu ketika dahulu pernah dikaitkan dengan sejarah Pulau Cocos dan Pulau Christmas. Meskipun demikian sebenarnya Pulau Labuan menjadi sebahagian daripada sejarah Brunei, Sabah dan Sarawak.

Apabila James Brooke berjaya memadamkan huru-hara di Negeri Sarawak pada tahun 1841, beliau telah dilantik menjadi Gabenor Sarawak. Hubungan Brooke dengan Sultan Brunei adalah baik. Apabila Brooke membantu Sultan Brunei menundukkan para penderhaka, Sultan Brunei telah menghadiahkan Pulau Labuan kepadanya. Ketika itu Kompeni Inggeris tidak mahu menerima pemberian itu. Hanya setelah kedudukan James Brooke kukuh sebagai Raja Sarawak, pihak Inggeris telah memerintahkan supaya Brooke mengambil Pulau Labuan.

Pada tahun 1846 satu perjanjian telah dibuat antara Sultan Brunei dengan Kerajaan Inggeris bagi menyerahkan Pulau Labuan kepada Inggeris. Pulau Labuan kemudiannya menjadi jajahan takluk Inggeris dari tahun 1848 hingga tahun 1889.

Pada awalnya, pentadbiran Labuan terasing daripada jajahan Inggeris yang lain. Labuan mempunyai gabenor dan pegawai-pegawai serta Majlis Mesyuarat yang tersendiri. Apabila kedudukan kewangan mulai lemah, pentadbiran Pulau Labuan terpaksa diserahkan kepada Syarikat British Borneo Utara iaitu sebuah syarikat kepunyaan orang Inggeris yang memerintah Negeri Sabah.

Pada bulan Oktober 1906 Kerajaan Inggeris membuat perubahan baru apabila Pulau Labuan dijadikan sebahagian daripada Negeri-negeri Selat. Dengan itu pada 1 Januari 1907, Pulau Labuan diisytiharkan secara rasmi menjadi sebahagian





daripada Negeri-negeri Selat di bawah pentadbiran Singapura. Pada tahun 1912 Pulau Labuan mempunyai Residen.

Sebagaimana negeri-negeri lain di Malaysia, Pulau Labuan juga turut berada di bawah kekuasaan Jepun apabila Perang Dunia Kedua meletus. Jepun telah menukar nama Labuan kepada Pulau Maida dan mereka telah mendirikan sebuah batu peringatan bagi memperingati nama tersebut. Pulau Labuan juga pernah dijadikan tempat pengasingan (tahanan) 131 orang pemberontak yang menentang Jepun di Sabah.

Apabila Inggeris berkuasa semula, Pulau Labuan diletakkan di bawah Crown Colony Inggeris. Pada 8 Februari 1962 telah terjadi suatu pemberontakan bersenjata di Bandar Brunei dan Kuala Belait. Kumpulan pemberontak itu menamakan diri mereka Tentera Nasional Kalimantan Utara. Kerajaan Sabah ketika itu telah memberi bantuan kepada

Kerajaan Brunei bagi mematahkan pemberontakan tersebut. Pulau Labuan dijadikan pangkalan bagi melawan pemberontak-pemberontak berkenaan dan ramai orang Brunei melindungkan diri di Pulau Labuan. Orang yang tercedera di dalam pertempuran itu dihantar ke pulau ini untuk mendapatkan bantuan dan perlindungan.

Sebagai sebuah daerah dalam Negeri Sabah, apabila negara Malaysia ditubuhkan pada 16 September 1963, Pulau Labuan juga turut menjadi sebahagian daripada Malaysia. Pada 16 April 1984 Labuan dijadikan Wilayah Persekutuan yang kedua selepas Kuala Lumpur supaya dapat dibangunkan dengan lebih sempurna.

### • KUALA LUMPUR

Pada suatu ketika dahulu pentadbiran Wilayah Persekutuan terletak di bawah Kementerian



**Kegiatan  
Ekonomi  
dan  
Pentadbiran**



Wilayah Persekutuan. Apabila Kementerian Wilayah Persekutuan dimansuhkan pada bulan Mei 1987, Kerajaan Persekutuan mewujudkan Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Semua perkara yang bersangkutan dengan Kuala Lumpur dan Labuan kini berada di bawah pengawasan Jabatan Perdana Menteri.

Fungsi bahagian ini adalah untuk menaikkan taraf hidup penduduk di Wilayah Persekutuan dan memastikan program kemajuan yang seimbang supaya kemajuan sosioekonomi yang sistematik dapat diwujudkan. Ini termasuk bidang-bidang perumahan, keperluan-keperluan am, industri dan perdagangan, pengangkutan, keagamaan, pengindahan bandar, pentadbiran tanah dan rekreasi.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pula merupakan penguasa tempatan yang mempunyai 23 jabatan yang bertanggungjawab memberi perkhid-

matan kepada penduduk Kuala Lumpur. Perkhidmatan yang diberi adalah meliputi aspek-aspek kesihatan awam, kebersihan, pembentungan, pengindahan dan rekreasi, kerja-kerja penyelenggaraan kemudahan awam dan lain-lain lagi.

Selain daripada Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan dan DBKL, agensi-agensi kerajaan seperti Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) bertanggungjawab untuk sama-sama menaikkan taraf Bandaraya Kuala Lumpur.

Seperti mana yang telah kita ketahui Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mencapai kemajuan yang amat pesat kerana menjadi ibu negara Malaysia. Strategi pembangunan yang dirancang telah dilaksanakan dengan baik. Di mananya dapat kita lihat rumah-rumah dibina untuk menampung keperluan penduduk Kuala Lumpur. Kawasan perkampungan tradisional kebanyakannya telah dijadikan





kawasan penempatan yang lebih selesa. Masalah setinggan diatasi peringkat demi peringkat dan sehingga kini kawasan-kawasan setinggan sudah banyak yang dimusnahkan dan diganti dengan rumah-rumah yang lebih selesa lengkap dengan semua kemudahan asas.

Ramai pelabur asing yang mendirikan kompleks-kompleks perniagaan mereka di Kuala Lumpur. Boleh dikatakan hampir semua syarikat perdagangan besar di negara ini menempatkan pusat pentadbiran mereka di Kuala Lumpur. Syarikat-syarikat ini memberi banyak sumbangan kepada negara dan membuka peluang pekerjaan yang luas bagi penduduk tempatan.

Perbadanan Pembangunan Bandar atau UDA bertanggungjawab di dalam membangunkan Bandaraya Kuala Lumpur secara menyeluruh. Perbadanan ini juga menyediakan kemudahan-kemudahan bagi membantu para peniaga atau usahawan

Bumiputera mendapatkan peluang-peluang perniagaan. Daripada itu berbagai-bagai bentuk peluang perniagaan terbuka kepada mereka yang rajin berusaha di Kuala Lumpur.

Dalam bidang pendidikan, sekolah-sekolah atau institusi pengajian tinggi yang dibiayai oleh kerajaan mahu pun swasta mendapat peralatan-peralatan moden yang terbaik. Di antaranya ialah perpustakaan, komputer dan alat pandang-dengar. Oleh sebab itu kebanyakan pelajar-pelajar dari negeri-negeri lain sentiasa menanti peluang untuk melanjutkan pelajaran di Kuala Lumpur.

Sebagai kesimpulannya, Kuala Lumpur merupakan contoh kejayaan negara Malaysia yang unggul dan sentiasa maju di dalam pelbagai bidang.

### • **LABUAN**

Wilayah Persekutuan Labuan mempunyai daya tarikan yang tersendiri.





*Tugu Peringatan Perang Dunia Kedua di Labuan*

Walaupun tidak banyak tempat menarik jika dibandingkan dengan Kuala Lumpur, Pulau Labuan adalah sebuah pelabuhan bebas cukai dan popular sebagai destinasi membeli-belah. Antara tempat yang boleh dilawati di Labuan ialah Taman Binatang

dan Tugu Peringatan Perang Dunia Kedua. Satu lagi yang menjadi tarikan di Labuan adalah bangunan Masjid Labuan yang begitu indah dan unik.

Pulau Labuan dimajukan dengan projek-projek yang diatur rapi oleh Kerajaan Pusat. Banyak pusat perniagaan dan perdagangan telah dibuka di Labuan. Kawasan perindustrian yang terbesar ialah di Ranca-ranca.

Dalam bidang pendidikan pula, Labuan telah mempunyai beberapa buah institusi pelajaran dan latihan. Selain dari pada beberapa buah sekolah berasrama



penuh dan sekolah vokasional, terdapat juga sebuah institusi latihan perindustrian. Apa yang lebih membanggakan, Labuan mempunyai sebuah kompleks sukan yang berharga RM11 juta.

Pentadbiran Labuan diketuai oleh Presiden Majlis Perbandaran Wilayah Persekutuan Labuan yang sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan dan kemajuan terbaik di kawasan ini.

Penduduk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terdiri daripada berbagai-bagi jenis kaum dan mempunyai berbilang budaya.

Budaya penduduk Wilayah Persekutuan Labuan pula adalah sama seperti yang ada di Negeri Sabah. Ini adalah kerana Pulau Labuan sebelum diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan adalah sebahagian dari Negeri Sabah. Ini bermakna penduduk Labuan juga menyambut pesta menuai



### Ciri-ciri Budaya



Mosjid Jamek



dan mengamalkan tarian-tarian tradisional seperti Sumazau, Sumayau dan lain-lain.

Kedua-dua buah kawasan Wilayah Persekutuan adalah berbeza antara satu sama lain. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merupakan bandar raya yang begitu pesat membangun. Kuala Lumpur

padat dengan penduduk dan bangunan-bangunan pencakar langit. Kuala Lumpur menjadi tumpuan pelabur-pelabur dari dalam dan luar negara dan berfungsi sebagai pusat perdagangan, ilmu dan kebudayaan. Kuala Lumpur sentiasa sibuk dari awal pagi melewati tengah malam.

Wilayah Persekutuan Labuan pula lebih damai dan suasana alam sekelilingnya aman dan tenteram. Pulau-pulau bertaburan di perairan Labuan, rumah-rumah tradisional menghiasi kawasan se-

kitarnya. Kesibukan Labuan hanya kerana pelabuhannya. Meskipun begitu, sejak menjadi Wilayah Persekutuan yang kedua, kemajuan pulau ini dirancang dan dilaksanakan dengan sempurna.

Kerajaan sentiasa mengambil berat untuk memajukan kedua-dua buah kawasan ini supaya menjadi contoh yang baik kepada negeri-negeri lain.

## Kesimpulan

